

Ekspo Kerjaya MyFutureJobs 25-26 November ini

BINTULU: Orang awam khususnya pencari kerja dialu-alukan untuk datang ke Ekspo Kerjaya MyFutureJobs@Semarak Belia Sarawak di Dewan Sri Kenyalang, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu di sini pada 25 dan 26 November ini.

Menurut satu kenyataan, program anjuran Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan itu dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Bintulu.

Program itu akan bermula dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan pendaftaran pula dibuka sehingga 4.00 petang sahaja.

“Sila bawa bersama dokumen seperti resume, gambar ukuran passport dan salinan sijil-sijil akademik,” kata kenyataan

itu.

Pada ekspo tersebut, pencari kerja berpeluang untuk mengadakan sesi temuduga dengan 26 majikan.

Antara aktiviti menarik yang disediakan adalah pameran daripada pelbagai agensi, ceramah dan tips persediaan temuduga PERKESO, tips temuduga dari wakil majikan dan sebagainya.

Selain itu, turut disediakan kaunter Kaunseling Kerjaya PERKESO serta kaunter Daftar Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah dan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan.

Sebanyak 242 jawatan dengan 1,303 kekosongan ditawarkan dalam Ekspo Kerjaya MyFutureJobs@Semarak Belia Sarawak 2023 yang diadakan di seluruh Sarawak.